

08/07/2003

Tiada bukti salah laku oleh syarikat Malaysia: Duta

SIASATAN terhadap akaun bank Swiss sebuah syarikat Malaysia yang dituduh terbabit dalam salah laku kewangan di Switzerland, tidak menemui bukti wujudnya perkara sedemikian.

Duta Switzerland ke Malaysia, Peter Schweizer, berkata siasatan itu tidak menjumpai sebarang bukti syarikat Malaysia berkenaan terbabit dalam salah laku di negaranya.

"Penyiasatan kami terhadap akaun bank Swiss yang membabitkan firma Malaysia mendapati tidak wujud sebarang salah laku," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai kerjasama kerajaan Switzerland dengan Malaysia dalam memberikan maklumat mengenai dana haram yang dikatakan disimpan dalam akaun bank Swiss.

Schweizer sebelum itu membentangkan kertas kerja di forum 'Fakta dan Mitos Mengenai Perbankan Swiss' anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

Ditanya sama ada syarikat itu ialah Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja Steel) yang didakwa memindahkan jutaan ringgit ke dalam akaun haram di bank Switzerland, beliau enggan mengulas.

"Anda semua tahu syarikat itu. Ia dilaporkan dalam media. Anda boleh membaca dalam akhbar bahawa kerajaan (Malaysia) kini menyiasat ke arah lain, ke negara lain," katanya.

Pada 28 April lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail, berkata siasatan terhadap salah laku kewangan membabitkan Perwaja Steel sudah lebih separuh selesai.

Beliau berkata, kerajaan sedang mencuba sedaya-upaya menyelesaikan kes itu secepat mungkin dan tidak akan melambat-lambatkan siasatan.

Katanya, kelewatan yang berlaku ialah kerana siasatan itu membabitkan beberapa negara dan sesetengah institusi kewangan di negara terbabit tidak begitu memberi kerjasama kerana bimbang ia akan mencetuskan krisis keyakinan di kalangan pelanggannya.

Hashim bagaimanapun berkata, sebuah bank di Switzerland bersedia melonggarkan syaratnya selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan beberapa pegawai ketika beliau melawat negara itu Jun tahun lalu.

Dalam perbincangan itu, Dr Mahathir meminta kerajaan Switzerland untuk membantu siasatan terutama dalam mendapatkan akses kepada maklumat berkenaan dana Perwaja.